



**TAMAN NEGARA PULAU PINANG  
BORANG PERMOHONAN PERMIT AKTIVITI**

AKTA TAMAN NEGARA 1980  
PERATURAN-PERATURAN TAMAN NEGARA PULAU PINANG 2022

**JENIS AKTIVITI:**

PERFILEMAN DAN FOTOGRAFI KOMERSIAL     KAJIAN KOMERSIAL     ACARA

**A. MAKLUMAT PEMOHON**

- 1. Nama Penuh :.....
- 2. No. Kad Pengenalan/No Paspot:.....  
(Sila lampirkan salinan kad pengenalan/paspot\* (warganegara asing))
- 3. Jawatan Pemohon: .....
- 4. Alamat Surat Menyurat:  
.....  
..... Poskod :.....
- 6. Telefon:..... Faks:..... Email:.....

**B. MAKLUMAT AGENSI (Sekiranya berkaitan)**

- 7. Nama Agensi/Jabatan/Syarikat/Lain-lain:  
.....
- 8. Agensi Luar Negara/Dalam Negara: .....
- 9. Alamat Agensi:  
.....  
..... Poskod :.....
- 10. Telefon:..... Faks:..... Email:.....

**C. MAKLUMAT AKTIVITI**

11. Tajuk Penggambaran/Kajian/Acara:.....

12. Tarikh:..... 13.Masa:.....

14. Lokasi:..... 15. Jumlah kehadiran:.....

16. Pegawai/Jemputan Kehormat yang hadir (sekiranya ada):.....

17. Sinopsis Penggambaran/Kajian/Acara:

**D. PERAKUAN PEMOHON**

Dengan ini saya ..... mengaku dan mengesahkan bahawa maklumat yang tercatat di dalam borang ini adalah benar dan tepat. Sekiranya saya atau organisasi yang saya wakili atau kedua-duanya melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan, pihak Taman Negara Pulau Pinang berhak mengambil tindakan sepertimana yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Taman Negara Pulau Pinang 2022.

.....  
Tandatangan Pemohon  
Cop Syarikat/Agensi/Persatuan

Tarikh : .....

**E. ULASAN JABATAN**

- I. Disokong
- II. Tidak Disokong

Ulasan : .....

Bah. Perancangan & Korporat

**F. KEPUTUSAN**

- I. Diluluskan
- II. Ditolak

Ulasan: .....

Ketua Pengarah

**G. CATATAN:**

.....  
.....

Permohonan boleh dihantar melalui surat atau emel beserta dokumen sokongan ke alamat seperti berikut :

Ketua Pengarah  
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)  
Semenanjung Malaysia  
KM 10 Jalan Cheras,  
56100 Kuala Lumpur.

No. Tel: 03-9086 6800  
Faks: 03-9075 2873  
Emel: info@wildlife.gov.my

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:**

1. Mana-mana orang yang berhasrat untuk menjalankan apa-apa aktiviti kajian komersial, acara, perfileman dan fotografi komersial di dalam Taman Negara hendaklah memohon permit daripada Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Semenanjung Malaysia dan Ketua Pengarah selepas menimbang permohonan yang dibuat, boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.
2. Apabila diberitahu tentang kelulusan, pemohon hendaklah membayar fi aktiviti kepada Taman Negara Pulau Pinang dan Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan permit kepada pemohon.
3. Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat ke atas permit yang dikeluarkan atau menambah, mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas permit.
4. Suatu permit, melainkan jika terlebih dahulu digantung atau dibatalkan hendaklah sah selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam permit itu. Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan permit yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini jika:
  - a. Pemegang permit telah melanggar apa-apa syarat yang dikenakan dalam permit;
  - b. Pemegang permit telah melanggar mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Taman Negara Pulau Pinang 2022; atau
  - c. Pemegang permit telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah subperaturan 4(7) Peraturan-Peraturan Taman Negara Pulau Pinang 2022.
5. Pemegang Permit hendaklah sentiasa membawa permit pada setiap masa apabila berada di dalam Taman Negara Pulau Pinang dan hendaklah mengemukakan permit itu apabila diminta oleh Pegawai.
6. Pemegang permit tidak boleh menyerah hak apa-apa hak, kewajipan, tanggungan atau obligasi di bawah permit kepada mana-mana orang lain.
7. Jika suatu permit hilang, pemegang permit hendaklah menghentikan apa-apa aktiviti yang dibenarkan di bawah permit dan hendaklah dengan segera memaklumkan Ketua Pengarah mengenai kehilangan itu. Pemegang permit hendaklah memohon suatu salinan permit.
8. Tiada seorang pun boleh masuk ke dalam atau keluar dari Taman Negara kecuali dengan menggunakan laluan masuk atau keluar yang dibenarkan sebagaimana yang ditentukan oleh pihak Taman Negara Pulau Pinang.
9. Melapor diri dan membuat pendaftaran masuk kepada pihak pengurusan TNPP terlebih dahulu sebelum memasuki TNPP.
10. Kumpulan pemegang permit akan ditemani oleh kakitangan TNPP semasa penggambaran/ menjalankan aktiviti dalam kawasan Taman Negara.
11. Mematuhi segala arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan PERHILITAN dan Taman Negara sepanjang aktiviti dijalankan. Kumpulan pemegang permit harus mematuhi jadual aktiviti yang telah ditetapkan untuk tujuan ini.
12. Memastikan alam semula jadi dan hidupan liar tidak diganggu sepanjang sesi penggambaran/ aktiviti.
13. Memastikan semua peralatan dan sampah dibawa keluar dari TNPP dan dilupuskan ditempat yang sepatutnya.

14. Memastikan keselamatan diri dan ahli kumpulan sepanjang masa ketika membuat penggambaran/aktiviti. Jabatan PERHILITAN dan TNPP tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan dan kehilangan peralatan atau harta benda.
15. Kebenaran menggunakan dron adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah.
16. Hanya ahli kumpulan yang terlibat dengan aktiviti sahaja dibenarkan berada dilokasi penggambaran/ aktiviti.
17. Tag perkongsian penerbitan yang dihasilkan di media sosial Jabatan PERHILITAN seperti FB - Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia (@perhilitanofficial), IG - @perhilitan\_malaysia dan Twitter - @PERHILITAN
18. Memberikan 'verbal mileage' dan 'ending credit kepada Taman Negara Pulau Pinang (TNPP) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) di akhir temubual atau video yang dihasilkan.
19. Kerjasama dari pihak tuan juga dimohon untuk menyerahkan satu salinan hasil setiap penerbitan tersebut kepada Jabatan untuk tujuan rekod dan simpanan Jabatan PERHILITAN.

**PERBUATAN YANG DILARANG DALAM TAMAN NEGARA**

1. Tiada seorang pun boleh, kecuali dengan kebenaran bertulis Ketua Pengarah, semasa berada dalam Taman Negara :-
  - a. Menyimpan, memiliki, membawa atau menggunakan apa-apa-
    - i. Racun;
    - ii. Senjata api, lembing, kapak, gergaji, bahan letupan atau senjata;
    - iii. Dadah haram atau minuman beralkohol; atau
    - iv. Barang berbahaya yang lain
  - b. Mempamerkan kelakuan tidak senonoh;
  - c. Merosakkan mana-mana kemudahan
  - d. Membuang dan meninggalkan apa-apa sampah;
  - e. Mencemar mana-mana kawasan;
  - f. Menggunakan apa-apa jentera atau apa-apa bentuk pengangkutan kecuali untuk membantu orang kurang upaya;
  - g. Membina, membangunkan atau meruntuhkan apa-apa struktur;
  - h. Menghalang atau mengalihkan mana-mana saluran air;
  - i. Mengendali atau menggunakan apa-apa alat peranti yang menghalang atau menyebabkan gangguan atau kecederaan kepada mana-mana orang, tumbuhan atau haiwan;
  - j. Mengganggu, memotong, membawa masuk, membwa keluar, memindah, mencatitkan, merosakkan, menghalang, melepaskan, menyimpan, memiliki atau mengambil mana-mana-
    - i. Tumbuhan;
    - ii. Haiwan;
    - iii. Bangkai; atau
    - iv. Objek semula jadi;
  - k. Menyebabkan kerosakan kepada ciri-ciri semula jadi;
  - l. Memburu apa-apa haiwan; atau
  - m. Mengambil, menyimpan, mengganggu, merosakkan atau memusnahkan sarang apa-apa haiwan.
2. Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Peraturan-Peraturan Taman Negara Pulau Pinang 2022****JADUAL KEDUA  
[Subperaturan 3(2)]****FI AKTIVITI**

Aktiviti	Warganegara (RM)	Bukan Warganegara (RM)
1 Perfileman dan fotografi komersial (setiap kumpulan)	500.00 sehari	1000.00 sehari
2 Kajian komersial (setiap kumpulan)	100.00 setahun	100.00 setahun
3 Acara (setiap kumpulan)	500.00 sehari	1000.00 sehari